

26/02/1997

Hubungan Malaysia, China tetap utuh: Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir yakin hubungan Malaysia dan China tetap utuh pada masa depan walaupun selepas kematian pemimpin tertinggi republik itu, Deng Xiaoping.

Ini kerana pemimpin Malaysia dan China sekarang berjaya menjalin hubungan yang mantap.

"Saya rasa hubungan Malaysia-China pada masa depan tetap baik seperti sekarang, sekalipun tidak lebih baik, kerana kita sudah menjalin hubungan yang baik dengan pemimpin China masa kini," katanya.

Perdana Menteri juga yakin hubungan ekonomi Malaysia-China tidak akan mengalami perubahan besar.

"Mungkin wujud perubahan dari segi gaya dan bentuk tetapi tidak akan ada perubahan besar," katanya selepas menandatangani buku takziah di Kedutaan China di sini, hari ini.

Beliau yang tiba di Kedutaan China kira-kira jam 12.20 tengah hari, menandatangani buku ucapan takziah, sebelum bertafakur seketika di hadapan gambar pemimpin republik itu.

Deng yang dilaporkan mengalami pendarahan otak dan semakin tenat pada 18 Februari lalu, meninggal dunia pagi Rabu lalu (waktu tempatan) dan dikebumikan di Beijing, pagi ini.

Dr Mahathir menyifatkan Deng sebagai pemimpin besar China yang sudah melaksanakan banyak perubahan yang tidak berupaya dilakukan oleh orang lain.

"Cuma kebelakangan ini, beliau tidak lagi berupaya. Namun, idea dan kepemimpinannya tetap diiktiraf dan mempengaruhi pelbagai perubahan di China," katanya.

Perdana Menteri yakin China tetap akan mengingati ajaran Deng dan mampu mencapai kejayaan hasil ilmu yang beliau curahkan itu.

Lebih 1,000 orang menandatangani buku takziah dan memberi penghormatan terakhir kepada Deng apabila Kedutaan China di sini membuka peluang itu sejak empat hari lalu. Upacara itu akan tamat Ahad ini.

Antara pemimpin negara yang telah memberi penghormatan itu ialah barisan pimpinan MCA diketuai Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Sebelum ini, pelbagai pemimpin dunia termasuk Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, telah menyampaikan perutusan takziah.

(END)